



# WARISAN TC HOLDINGS BERHAD

## Dasar Amalan Sumber Manusia

Warisan TC Holdings Berhad (WTCH) kekal beriltizam dalam memajukan hak asasi manusia, memupuk tempat kerja yang saksama, serta melestarikan piawaian tenaga kerja tertinggi dalam semua operasi. Dasar ini terpakai kepada setiap pengarah, kakitangan, intern, syarikat bersekutu dan anak-anak syarikatnya. Bersama-sama, kami bertanggungjawab untuk menerapkan prinsip-prinsip ini dalam amalan harian kami, memantau pematuhan dan mendorong peningkatan berterusan.

### Prinsip Teras:

- Pematuhan Undang-undang dan Etika:** Mematuhi dengan tegas semua undang-undang buruh, peraturan hak asasi manusia, hak kanak-kanak, peraturan keselamatan dan kesihatan dan piawaian industri, termasuk Akta Kerja 1955 (waktu kerja, kerja lebih masa, gaji minimum, buruh paksa, kebebasan berpersatuan dan perjanjian kolektif), serta Akta Kanak-kanak dan Orang Muda (Pekerjaan) 1966 Malaysia, dan pada masa yang sama, komited untuk memastikan ia sejajar dengan rangka kerja antarabangsa yang berkaitan.
- Kepelbagaian, Ekuiti dan Keterangkuman (DEI):** memupuk budaya inklusif di mana peluang kerjaya, pembangunan dan kemajuan adalah berdasarkan kemahiran dan pengalaman. Membendung segala bentuk diskriminasi, termasuk berat sebelah atas sebab jantina, umur, bangsa, agama, orientasi seksual, kewarganegaraan, ketidakupayaan atau status sosioekonomi.
- Hak dan Pemerksaan Kakitangan:**
  - Peluang Pekerjaan:** Kami komited untuk menyediakan peluang pekerjaan yang saksama kepada individu daripada pelbagai latar belakang sosioekonomi, termasuk mereka yang tidak mempunyai pendidikan formal atau kelayakan, sebagai sebahagian daripada pendekatan inklusif kami dalam memperkasa komuniti.
  - Latihan dan Pembangunan:** Kami melabur dalam pembangunan diri kakitangan dengan menyediakan latihan berstruktur untuk meningkatkan kemahiran komunikasi, kepimpinan, serta kompetensi khusus pekerjaan. Kakitangan digalakkan untuk terlibat secara aktif dalam pembelajaran dan pembangunan berterusan bagi menyokong pertumbuhan serta kemajuan kerjaya mereka.

- **Pampasan yang Adil:** Kami memastikan gaji memenuhi atau melebihi keperluan undang-undang serta bersesuaian dengan peranan, tanggungjawab dan prestasi kakitangan. Kami menyokong prinsip pampasan yang adil dengan menyokong pembayaran gaji yang sama untuk kerja yang sama, dan mengambil langkah proaktif untuk mengurangkan waktu kerja berlebihan.
  - **Toleransi Sifar Terhadap Gangguan atau Penderaan:** Kami mlarang sama sekali sebarang bentuk gangguan fizikal, psikologi, gangguan seksual, keganasan atau ugutan. Kakitangan boleh melaporkan sebarang isu berkaitan gangguan, tingkah laku yang tidak wajar atau pelanggaran dasar ini tanpa rasa takut akan diskriminasi atau balas dendam melalui Prosedur Aduan yang terkandung dalam Buku Panduan Kakitangan WTCH atau melalui Saluran Aduan Khas (saluran pemberi maklumat) di [wtch.scp@warisantc.com](mailto:wtch.scp@warisantc.com).
- **Persekutaran Kerja yang Selamat dan Sihat:** Kami komited untuk mengekalkan persekitaran kerja yang selamat, sihat dan sesuai yang mematuhi semua peraturan keselamatan tempat kerja dan piawaian industri yang berkaitan. Semua kawasan kerja mesti dijaga untuk mengurangkan risiko bahaya serta menggalakkan kesejahteraan kakitangan secara keseluruhan. Kami juga mengiktiraf kepentingan menyumbang kepada usaha global dan nasional dalam mencegah serta menguruskan penyakit berjangkit seperti COVID-19, HIV/AIDS, Tuberculosis (TB) dan Malaria. Kami berusaha untuk membina budaya keselamatan proaktif yang menggalakkan akauntabiliti, mengurangkan bahaya pekerjaan dan mencegah kemalangan dan kecederaan.
- **Penilaian Risiko dan Audit EHS:** Penilaian risiko dan audit Alam Sekitar, Kesihatan dan Keselamatan (EHS) akan dijalankan secara rutin bagi operasi atau projek sedia ada selaras dengan dasar EHS Kumpulan. Bahagian Sumber Manusia dan ketua jabatan berkaitan akan bekerjasama demi memastikan penilaian ini disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan. Sebarang penemuan akan ditangani dengan pelan tindakan penambahbaikan, dan kemajuan akan dipantau.
  - **Latihan EHS Mandatori:** Untuk meningkatkan kesedaran keselamatan dan mengurangkan kemalangan di tempat kerja, kami telah menetapkan sasaran berjadual bagi latihan EHS bertujuan untuk mengurangkan insiden dan meningkatkan amalan keselamatan di semua peringkat. Bahagian Sumber Manusia akan menyimpan rekod latihan yang sahih, yang akan disemak semasa audit dalaman bagi memastikan pematuhan terhadap piawaian korporat dan pencapaian sasaran ini.
  - **Langkah-langkah Pencegahan:** Selain penilaian risiko yang proaktif dan latihan yang dijalankan, kami menekankan perancangan keselamatan dari segi pencegahan serta penambahbaikan yang berterusan. Sekiranya berlaku sebarang insiden, siasatan menyeluruh akan dijalankan untuk mengenal pasti punca asas, dan tindakan pembetulan serta pencegahan akan dilaksanakan.

- **Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) dan Kesukarelawanan Kakitangan:** Kami komited untuk memelihara kesejahteraan masyarakat setempat di mana kami beroperasi dengan melabur dalam inisiatif pembangunan komuniti yang berimpak positif. Melalui inisiatif ini, kami berhasrat untuk mengukuhkan jejak Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) kami, meningkatkan penglibatan kakitangan, memupuk hubungan erat dengan komuniti, serta memelihara kelestarian alam sekitar – yang kesemuanya penting bagi kejayaan perniagaan yang mampan dalam jangkamasa panjang. Sebagai sebahagian daripada komitmen ini, kami secara aktif menggalakkan dan menyokong penyertaan kakitangan dalam aktiviti kesukarelawanan. Semangat kesukarelawanan mencerminkan nilai teras kami dan memberi peluang kepada kakitangan untuk menyumbang secara signifikan kepada masyarakat. Kami menggalakkan penglibatan kakitangan dalam program khidmat masyarakat, usaha pemuliharaan alam sekitar, serta inisiatif impak sosial. Penyertaan sebegini bukan sahaja memperkuatkan hubungan kami dengan komuniti, malah memupuk budaya kerja yang berteraskan empati, kerjasama dan matlamat bersama.

Pengurusan dan amalan sumber manusia tertakluk kepada penyeliaan pihak pengurusan dan Lembaga Pengarah untuk memastikan keselarasannya dengan matlamat organisasi dan piawaian tadbir urus.

Dengan menekankan kepimpinan yang kukuh, amalan perniagaan yang beretika, dan pemerksaan tenaga kerja kami, WTCH kekal komited untuk terus menambahbaik dan mengekalkan persekitaran kerja yang saling menghormati, inklusif dan selamat.

#### **Dokumen Rujukan:**

Dasar ini dirangka berlandaskan dokumen dan rangka kerja berikut:

- Akta Kerja 1955
- Akta Kanak-Kanak dan Orang Muda (Pekerjaan) 1966
- Perisyiharan Hak Asasi Manusia Sejagat (UDHR)
- Prinsip-prinsip Panduan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) mengenai Perniagaan dan Hak Asasi Manusia
- Konvensyen Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO) berkaitan Piawaian Pekerjaan

Dasar ini hendaklah dibaca bersama dengan dokumen-dokumen berikut, yang menyediakan panduan lanjut mengenai tingkah laku yang diharapkan, mekanisme pelaporan, dan piawaian tempat kerja:

- Kod Tatakelakuan dan Etika Perniagaan WTCH (termasuk latihan penyegaran tahunan wajib)
- Dasar Aduan Khas WTCH
- Buku Panduan Kakitangan WTCH
- Dasar Alam Sekitar, Kesihatan dan Keselamatan (EHS) WTCH